

Sinar Harian - 9/5/2016 -

Belajarlah berterima kasih MCA

Tidak semena-mena pemimpin ultra kiasu MCA begitu teruja dengan artikel saya minggu lalu.


Kenyataan mereka mengenai Perlembagaan Persekutuan rasis belum pun saya ulas.

Sedarlah, keberadaan MCA dalam Kabinet, menjadi senator dan menjadi kaya-raya adalah kerana undi ihsan orang Melayu. Berterima kasihlah kepada Melayu. Jika tidak, berputih mata. Toleransi ini jarang dijumpai di dunia lain.

Jangan hanya kerana beberapa perkara yang memberi keistimewaan kepada Islam, bangsa Melayu (Bumiputera), Raja Melayu dan bahasa Melayu, menjadikan ia gatal punggung. Pengilah cari konsep sama rata sama rasa di negara komunis China jika ada.

Cakap siang pandang-pandang. Jika tidak setuju dengan Perlembagaan yang telah dipersetujui oleh nenek-moyang kita semua, melalui kontrak sosial, maka boleh belah. MCA boleh bercakap banyak jika menang menentang ultra kiasu. Jika tidak, lebih baik diam, banyakkam kerja.

Buatlah perbandingan dengan negara lain. Perlindungan terhadap bangsa majoriti atau penduduk asal tetap ada. Thailand melindungi Buddha, bahasa Siam, dan Raja Siam. Britain melindungi Kristian, sehingga David Cameron mengisytiharkan Britain sebagai negara Kristian.



buka
minda
RIDHUAN TEE
ABDULLAH

Apakah Perlembagaan Malaysia buruk sehingga tidak ada kebebasan beragama, bersekolah, berbahasa dan lain-lain?

Kebebasan apa lagi yang MCA mahu? Keputusan mahkamah baru-baru ini banyak merugikan Islam dan Melayu, kami tetap diam.

Apakah rasis apabila orang Cina telah menguasai 70 peratus kekayaan negara ini? Apakah rasis apabila SJKC dibenarkan beroperasi 100 peratus kecinaan sehingga lebih Cina daripada China? Apakah rasis lambakan media cetak, media elektronik, NGO perkauman lebih banyak daripada orang Melayu itu sendiri? Pendek kata, apa yang Cina tidak dapat di negara ini? MCA lambung isu, DAP sambut, tekan dan desak.

Saya tidak kata semua Cina terbelah, saya akan tampil mereka jika mereka tertindas, teraniaya dan dizalimi, kerana ia suruhan Islam,

Pertama, sedarlah dengan peruntukan Islam itulah yang menjadi Melayu lembut dan mudah dibentuk, sehingga terlentuk. Lambakan bukan Melayu di sini adalah disebabkan oleh hati Melayu yang telah dilentur oleh Islam. Bak kata Zahid Hamidi, kerana terlalu bertolak ansur maka Melayu ditolak secara beransur-ansur.

Semakin faham Melayu terhadap agamanya Islam, semakin tinggilah

toleransinya terhadap bukan Islam. ALLAH melarang sama sekali, kita membenci sesama manusia, yang menjadi semua makhluk ini adalah ALLAH, meskipun berbeza agama, kerana di situ ada tanggungjawab dakwah.

Kedua, siapakah yang paling terkaya daripada 40 orang tersenarai. Hampir 30 ialah orang Cina. Melayu tidak sampai 10 orang. Apakah perlembagaan masih rasis? Cina sangat beruntung lagi, kerana Islam, toleransi Melayu menjadi tinggi. Kerana jahilnya orang Melayu dengan Islam, mereka sanggup digula-gulkan dengan rasuah dengan jawatan pengerusi yang dilantik dalam syarikat-syarikat besar mereka. Dengan rasuah yang diberikan, banyak projek-projek yang lulus walaupun tidak memenuhi syarat. Apakah ia masih rasis?

Ketiga, berbekal kefahaman Islam ini, maka lambakan rumah ibadat bukan Islam tidak terkira banyaknya, hampir 500 ribu berbanding dengan masjid yang hanya ada 22 ribu sahaja. Di negara lain, rumah ibadat dirobohkan tanpa banyak bicara memberi laluan pembangunan. Di Malaysia jalan dan bangunan terpaksa dibengkokkan kerana terlalu menjaga agama orang lain, sehingga kelakar dan bahan ketawa. Apakah ia masih rasis?

Keempat, dalam politik, berapa banyak kerusi Melayu terpaksa dikorbankan untuk memberikan laluan kepada bukan Melayu. Kenapa negara kita yang begitu kecil,

bilangan ahli Kabinet begitu tinggi seramai 35 orang sehingga jadi bahan ketawa dunia. Negara sebesar China pun tidak begitu ramai menteri. Jawapannya, kerana mahu memuaskan hati dan memenuhi kuota semua kaum, walaupun amat minoriti. Sehingga orang Siam pun ada wakil senator. Begitu juga jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara terpaksa digilirkan. Mualaf tiada wakil pula. Namun, kami tetap bersyukur dan berterima kasih, kerana inilah ajaran Islam.

Kelima, sebenarnya peruntukan Islam itulah yang memberikan perlindungan kepada bukan Islam. Dengan orang Islam menjadi baik, mereka akan menjaga orang bukan Islam dengan baik. Tidak akan masuk syurga pemimpin Islam jika menganiayai bukan Islam yang baik.

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana ALLAH, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa (*Surah Al-Maidah: 8*).

*Prof Mohd Ridhuan Tee Abdullah,
Felo Utama, INSPIRE dan pensyarah PPI,
UniSA